

12/10/1999

Telekom bangun projek Melakanet

Rahman Hashim

TELEKOM Malaysia Bhd memiliki kepakaran dan teknologi bagi menyediakan sistem dan perkhidmatan terbaik untuk pelanggan di seluruh Malaysia.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Wira Mohamed Said Mohamed Ali, berkata keupayaan Telekom terbukti ketika berlangsungnya Sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur September tahun lalu, selain kejayaan membantu menyelesaikan masalah telekomunikasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, Selangor.

Beliau berkata, paling terbaru ialah kemampuan mengadakan sidang video di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad dan semua menteri besar dan ketua menteri pada 31 Ogos lalu.

"Sebagai syarikat telekomunikasi terunggul, kami mempunyai segala kepakaran untuk memberi perkhidmatan terbaik untuk pelanggan," katanya pada majlis menandatangani perjanjian Melakanet Fasa I di antara kerajaan negeri dan Telekom di Seri Negeri Ayer Keroh, semalam.

Kerajaan negeri Melaka diwakili Pegawai Kewangan negeri, Ahmad Rosli Johari manakala Mohamed Said mewakili Telekom.

Majlis itu turut disaksikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahmad Zakaria Mohamed.

Menurut Mohamed Said, menerusi projek Melakanet atau kerajaan elektronik negeri Melaka fasa I, Telekom Malaysia akan membantu membangunkan satu rangkaian infrastruktur teknologi maklumat yang mampu menyokong keperluan pelbagai aplikasi berasaskan rangkaian semasa.

Katanya, rangkaian itu akan memudahkan komunikasi di antara pejabat dan semua agensi kerajaan negeri serta menjadi pelantar menghubungkannya dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya.

Beliau menjelaskan, fasa pertama projek itu akan membabitkan pembangunan infrastruktur rangkaian setempat (LAN) dan rangkaian meluas (WAN) di Seri Negeri dan pejabat daerah dengan kemudahan COINS (Corporate Information Superhighways).

"Ini akan diikuti dengan pembangunan kemudahan capaian Internet dan pelayan web serta mel elektronik untuk melengkapkan cara berkomunikasi," katanya.

Mohamed Said berkata Telekom juga sudah mengadakan perkongsian pintar dengan kerajaan negeri Selangor, Terengganu, Pulau Pinang, Pahang dan Sabah.

(END)